

22 NOV 1999

NGO-Abu Hassan

NGO IKRAR BERI SOKONGAN KEPADA BN, ABU HASSAN

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hari ini berikrar akan memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Mereka ialah Pertubuhan Kaunseling dan Perkhidmatan Rakyat (PKPR) Wilayah Persekutuan, Kelab Bell Belia Tamil (KBBT) Wilayah Persekutuan, Persatuan Pembangunan Sosial Wilayah Persekutuan dan Selangor dan Kelab Majujaya Bangi.

Presiden PKPR P. Gunaseelan berkata NGO semasa berurusan dengan kerajaan negeri mendapati Abu Hassan merupakan seorang yang berfikiran terbuka, mudah didekati dan pemimpin yang berkebolehan.

"Beliau menyelesaikan apa sahaja masalah yang kami bawa kepada perhatian beliau," katanya pada sidang media di sini.

Beliau berkata ikrar sokongan itu merupakan tanggungjawab sosial mereka kerana kerajaan BN telah membuktikan keupayaannya mentadbirkan negara ini.

"Kerajaan kita tidak meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk menangani krisis ekonomi. Ia juga berjaya menganjurkan perlumbaan Formula One dan Sukan Komanwel yang berprestij, dengan itu membuktikan keupayaannya," katanya.

Gunaseelan berkata Abu Hassan hanya mengambil masa 25 hari untuk menyelesaikan masalah air di Kampung Timah SKC di Hulu Selangor apabila PKPR mengemukakan desakan penduduk di situ bagi bekalan air paip.

Penduduk berkenaan menggunakan air telaga selama 25 tahun, katanya.

Walaupun umum mempunyai persepsi bahawa kebanyakan NGO adalah pro pembangkang, beliau berkata terdapat kira-kira 20 NGO yang menyokong kepimpinan Abu Hassan tetapi mereka tidak dapat hadir hari ini kerana kesuntukan masa.

Beliau juga berkata PKPR akan menerbitkan brosur dan memasang kain pemedang untuk membantu BN memenangi pilihan raya umum kali ini.

Katanya, PKPR juga akan menggerakkan 250 anggotanya untuk mengendalikan bilik operasi di kesemua 17 kawasan Parlimen di negeri ini.

Ia juga akan membantu mengedarkan manifesto BN yang dilancarkan malam tadi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada orang ramai.

-- BERNAMA

SFI RHM